

6 MAR 1996

PERDANA MENTERI LANCAR PERODUA RUSA

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan "Kenderaan Pelbagai Guna" Perodua Rusa keluaran terbaru Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua).

Majlis pelancaran berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perodua Rusa didapati dalam model Deluxe atau GX untuk tujuh penumpang, model EX untuk tujuan persendirian dan komersil serta model CX dua tempat duduk bagi tujuan komersil. -- BERNAMA

ARA FAZ